



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

TIMBALAN NAIIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mempelawa individu berpengalaman dalam kepimpinan penyelidikan yang memenuhi kriteria untuk menyertai institusi ini

CARA PERMOHONAN

- Imbas Kod QR Untuk Maklumat Jawatan dan Borang Permohonan



TARIKH TUTUP PERMOHONAN

9 JANUARI 2026
(Jumaat)

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI :

- **Encik Nurul Amrie bin Abdullah**
Timbalan Pendaftar
Pejabat Pendaftar
Universiti Teknologi Malaysia
No. Telefon : 019-715 0031
E-mel : nurulamrie@utm.my/
governan@utm.my

Menginovasi Penyelesaian Lestari

IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

1. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred	: Gred Utama B (VU6) (Terbuka)
Gaji	: Pakej imbuhan mengikut skala dan kelayakan elaun
Tempoh Pelantikan	: Tertakluk kepada kelulusan Kementerian Pendidikan Tinggi

2. KRITERIA UMUM

i. Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan dan perundingan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

ii. Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

iii. Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

iv. Reputasi

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

v. Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti, calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

vi. Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai oleh Universiti.

3. KRITERIA KHUSUS JAWATAN

- i. **Cemerlang dalam Penyelidikan, Penerbitan dan Urusan Pengkomersialan**
Calon mestilah berpengalaman luas dalam pengkomersialan produk penyelidikan, mempunyai rekod penyelidikan yang kukuh serta menghasilkan artikel berkualiti dalam jurnal berwasit dan memiliki reputasi tinggi serta dihormati oleh kelompok sebaya/ setaraf.
- ii. **Pengalaman Membida, Mengurus dan Memantau Projek Penyelidikan dengan Jaya**
Calon bukan sahaja berpengalaman menjalankan penyelidikan sebagai Penyelidik Utama (PI) tetapi juga berperanan sebagai peneraju di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) masing-masing untuk membida dana penyelidikan dari dalam dan luar negara.
- iii. **Mahir Mensintesis Instrumen Komitmen Penyelidikan (RU *Instrument*)**
Calon bukan sahaja mahir dalam instrumen komitmen penyelidikan, tetapi turut berpengalaman dalam penilaian MyRA, termasuk berperanan sebagai ahli task force atau auditor, serta berupaya memacu transformasi institusi selaras dengan keperluan penilaian MyRA.
- iv. **Mempunyai Jaringan Industri dan Masyarakat yang Luas**
Calon mestilah memahami keperluan semasa serta memiliki jaringan hubungan yang luas dengan industri dan masyarakat di peringkat serantau dan antarabangsa. Calon juga berkeupayaan memperoleh projek dan geran daripada sektor awam dan swasta, di samping bertanggungjawab mempromosikan dan mengkomersialkan hasil penyelidikan di dalam dan luar negara, bagi menjana impak *quadruple helix* kepada pemegang taruh.
- v. **Berkemampuan Memacu Inovasi dan Mengurus Harta Intelekt**
Berkemampuan memacu ekosistem inovasi dan mengurus harta intelek melalui pengurusan serta penyelarasan aktiviti berkaitan harta intelek, termasuk pencapaian dalam pemfailan, pengkomersialan dan penerimaan anugerah inovasi.
- vi. **Berpengalaman sebagai Penyelia yang Cemerlang**
Calon mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana dan Doktor Falsafah) terutamanya dalam mod penyelidikan. Calon bertanggungjawab menentukan hala tuju penyelidikan Universiti dan menerapkan *high impact research culture* dalam kalangan ahli akademik dan para penyelidik.

4. CARA PERMOHONAN

- Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi di pautan, <https://registrar.utm.my/epengambilan>.
- Tarikh tutup permohonan adalah pada **9 Januari 2026**.
- Calon-calun yang berkecualan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek atau dipanggil temu bual.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada :

Dato' Dr. Mohd Sharil bin Abdullah

Pendaftar

Universiti Teknologi Malaysia

E-mel : pendaftar@utm.my

Encik Nurul Amrie bin Abdullah

Timbalan Pendaftar

Pejabat Pendaftar

Universiti Teknologi Malaysia

No. Telefon : 019-715 0031

E-mel : nurulamrie@utm.my